KEMENTERIAN TENAGA DAN SUMBER ASLI

KERATAN SURAT KHABAR

SURAT KHABAR	:	SINAR HARIAN			
TARIKH	:	27.07.22	MUKA SURAT	:	11
JABATAN	:	JPNP/JPSM			

SINAR HARIAN • RABU 27 JULAI 2022

Beri tempoh hingga 30 September

Kerajaan Pahang diberi masa buat tambah baik ke atas laporan semakan berkala Tapak Rizab Biosfera Tasik Chini

Oleh TUAN BUQHAIRAH TUAN MUHAMAD ADNAN
PUTRAJAYA

Kerajaan Pahang diberi tempoh sehingga 30 September ini untuk membuat penambahbaikan ke atas laporan semakan berkala Tapak Rizab Biosfera Tasik Chini.

Menteri Tenaga dan Sumber Asli (KeTSA), Datuk Seri Takiyuddin Hassan berkata, kerajaan negeri telah melaksanakan pelbagai inisiatif untuk mengukuhkan pengurusan Tapak Rizab Biosfera Tasik Chini selaras dengan cadangan *International Advisory Committee for Biosphere Reserves* (IACBR).



TAKIYUDDIN

"Ia termasuk mengemas kini pengezonan bagi mengekalkan tiga fungsi Tapak Rizab Biosfera Tasik Chini, mewartakan Hutan Simpanan Kekal Chini, melaksanakan aktiviti penguatkuasaan secara bersepadu, menghentikan aktiviti melombong serta menubuhkan Perbadanan Taman Negeri Pahang dan Majlis Biodiversiti Pahang bagi mengukuhkan tadbir urus di kawasan berkenaan," katanya dalam satu kenyataan pada Selasa.

Beliau berkata, KeTSA sentiasa menyokong usaha kerajaan Pahang dalam memelihara Tapak Rizab Biosfera Tasik Chini.

"Bagi tujuan ini, KeTSA menyediakan peruntukan sebanyak lebih RM1.5 juta sejak tahun 2016 untuk melaksanakan pelbagai kajian di Tasik Chini termasuk kajian kualiti air," katanya.

Menurutnya, kementerian melalui Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia (JPSM) juga sedang melaksanakan program pemulihan dan penghutanan semula sekitar Tapak Rizab Biosfera Tasik Chini pada tahun ini dengan peruntukan sebanyak RM800,000.

"KeTSA sentiasa menekankan kepentingan memelihara kemampanan Tasik Chini selaras dengan objektif program *Man and the Biosphere* (MAB) dan menyokong usaha mempertahankan statusnya sebagai tapak rizab biosfera," kata beliau.

Rizab biosfera adalah tapak yang ditubuhkan sesebuah negara bagi mempromosikan pembangunan mampan dan diiktiraf di bawah program MAB Pertubuhan Pendidikan Kebudayaan dan Saintifik Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNESCO).

Pada Ahad, media melaporkan, status Tapak Rizab Biosfera Tasik Chini daripada UNESCO kini dalam penelitian.

Menurut tinjauan berkala pertama UNESCO, Tasik Chini tidak lagi memenuhi kriteria untuk menjadi sebahagian daripada Rangkaian Rizab Biosfera Dunia (WNBR) mereka.

Laporan itu menyebut, kawasan hutan baru dibersihkan dengan penukaran tanah yang intensif telah berlaku, selain mengesan pembukaan semula lombong lama di lokasi sekitar.

Setahun selepas rizab biosfera ditetapkan, beberapa bekas tapak perlombongan yang terletak di titik kecerunan tinggi (Bukit Ketaya dan Bukit Chini) dibuka semula dan berkembang mengakibatkan kesan buruk alam sekitar seperti pemendapan, kemerosotan kualiti air dan kemerosotan tebing sungai.



Laporan *Sinar Harian* pada Selasa.